



**Untuk siaran segera
3 Mac 2025**

ASNB MEMBERI GANJARAN KEPADA PENYIMPAN MELALUI KEMPEL MENARIK #SIMPANJE & MENANG

Menggalakkan Rakyat Malaysia Menyimpan dan Melabur untuk Masa Depan Kewangan yang Lebih Cerah

Kuala Lumpur, 3 Mac 2025: – Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) terus mendapat penyertaan tinggi dalam kempen berterusan #SimpanJe & Menang yang menggalakkan pemegang unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) untuk mengutamakan pertumbuhan simpanan dan perancangan kewangan. Kempen yang berlangsung sehingga 31 Mac 2025 ini kini berada pada peringkat pertengahannya dan sejajar dengan fokus Permodalan Nasional Bhd (PNB) yang lebih meluas dalam menangani cabaran besar untuk mendorong rakyat Malaysia menyimpan.

Kempen #SimpanJe & Menang

Kempen #SimpanJe & Menang menawarkan peluang kepada pemegang unit untuk memenangi hadiah keseluruhan berjumlah sehingga RM500,000 hanya dengan mengekalkan dan menambah simpanan mereka. Peserta yang mempunyai baki simpanan minimum sebanyak RM100,000 serta menambah sekurang-kurangnya RM5,000 dalam pelaburan tambahan layak untuk mendapat cabutan bertuah.

Dengan 500 pemenang bakal dipilih, kempen ini menawarkan hadiah menarik termasuk pakej Umrah atau percutian Eropah, telefon pintar, dan baucar beli-belah. Inisiatif ini bukan sahaja memberi ganjaran kepada mereka yang menyimpan, tetapi juga mengukuhkan manfaat meningkatkan pelaburan ASB secara konsisten.

Dengan hanya beberapa minggu lagi sebelum 31 Mac 2025, pemegang unit masih berpeluang untuk menyertai dan memaksimumkan potensi kewangan mereka. Bagi mengekalkan kelayakan, peserta perlu memastikan tiada pengeluaran dilakukan sepanjang tempoh kempen, menekankan kepentingan disiplin dalam menyimpan untuk jangka panjang.

Fadzihan Abbas Mohamed Ramlee, Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif ASNB, berkata bahawa "Menyimpan adalah asas kepada jaminan keselamatan kewangan dan melalui Kempen #SimpanJe, kami ingin memberi inspirasi kepada rakyat Malaysia untuk mengamalkan tabiat menyimpan secara konsisten, tanpa mengira jumlahnya, kerana kami percaya bahawa menggalakkan literasi kewangan dan tabiat menyimpan yang bertanggungjawab akan membantu mereka membina masa depan kewangan yang kukuh dan mencapai matlamat jangka panjang mereka, sejajar dengan matlamat kami untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat merentas generasi."

"ASNB menyediakan peluang kepada semua rakyat Malaysia untuk mula melabur dengan serendah RM10. Fokus utama kami adalah untuk memupuk tabiat kewangan yang positif, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Kunci untuk membina kekayaan jangka panjang terletak pada pelaburan yang konsisten, dan dengan dividen yang dikompaun. Sebagai contoh, dengan mengekalkan RM100,000 dalam ASB tanpa sebarang pengeluaran, pemegang unit berpotensi melihat simpanannya berkembang secara signifikan kepada kira-kira RM105,750 dalam tempoh satu tahun, RM132,252 dalam lima tahun, dan RM174,906 dalam sepuluh tahun, dengan andaian pulangan tahunan konsisten sebanyak 5.75%. Inilah keajaiban kuasa faedah kompaun – wang anda bekerja untuk anda,

berkembang secara automatik dari masa ke masa. Dengan menggalakkan rakyat Malaysia untuk mengekalkan simpanan mereka, ASNB membantu memastikan masa depan kewangan mereka lebih terjamin dengan penuh keyakinan."

-Tamat-

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad